

Media cetak masih penting

► Kebebasan media harus diguna untuk hasilkan laporan lebih analitikal

Oleh JOHN TAMBANAN

UB 4.12.2018 A5

KOTA KINABALU: Media cetak masih dilihat sangat penting kerana ia memberi gambaran secukupnya kepada pembaca.

Penasihat Khas Media dan Komunikasi Perdana Menteri Datuk A. Kadir Jasin berpendapat membaca surat khabar yang diterbitkan masih sangat penting termasuk membaca buku.

“Kita boleh baca e-buku, kita boleh baca berita online, kita boleh baca berita dari portal, tapi saya rasa membaca bahan cetak sama ada akhbar atau buku masih penting.

“Ia kerana, akhbar dan buku memberi syor arkib iaitu kita boleh menyimpan... kita boleh mengulang baca,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Dialog ‘Isu dan Cabaran Komunikasi

Strategik Dalam Era Malaysia Baharu’, di Dewan Resital, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini pada Isnin.

Kadir berkata, kadang-kadang bila membaca berita online atau melalui media sosial, kumpulan Whatsapp, pembaca tidak akan mendapat gambaran secukupnya mengenai apa yang berlaku di sekitar mereka.

Selain itu jelasnya, pengarang masih

diperlukan untuk memilih berita yang dirasakan perlu untuk membaca.

Katanya, yang menjadi masalah ramai orang yang menolak akhbar kerana laporan politik yang tidak secukup dengan pendapat mereka.

“Sedangkan akhbar ada kandungan lain dan kandungan berita politik itu sebenarnya tak banyak,” katanya.

Justeru tambahnya, pembaca tidak


“Kita boleh baca e-buku, kita boleh baca berita online, kita boleh baca berita dari portal, tapi saya rasa membaca bahan cetak sama ada akhbar atau buku masih penting. Ia kerana, akhbar dan buku memberi syor arkib iaitu kita boleh menyimpan... kita boleh mengulang baca.”

DATUK A. KADIR JASIN

Penasihat Khas Media dan Komunikasi Perdana Menteri



KADIR (tengah, barisan depan), Ismail, Jalil dan Muguntan merakam gambar kenangan bersama para pensyarah, ketua jabatan dan pelajar UMS.



KADIR (tengah) menerima cendera kenangan disampaikan Ismail (kiri), diperhatikan oleh Muguntan (kanan).

harus menolak akhbar kerana tidak suka politik, tidak suka sesuatu kandungan, sebab pengarang memilih mungkin 100 atau 200 berita terpenting yang kalau dibaca, kita akan menjadi orang yang bermaklumat.

“Jadi, saya rasa kita perlu bukan sahaja mempertahankan media cetak tetapi kita harus cuba mempromosikannya,” katanya.

Kadir berkata, walaupun keadaan perniagaan susah, tetapi kalau kita menyerah kalah maka suatu hari nanti mungkin kita akan ada orang yang tidak membaca.

“Atau, orang yang membaca tetapi tidak ada orang yang membimbingnya apa yang perlu dia baca. Misalnya, kalau dia minat sukan, dia baca sukan sahaja lah.

“Jadi, pengarang akan memilih semua bentuk berita dalam pelbagai bidang yang memenuhi citarasa pembaca,” katanya.

Terdahulu dalam ucapannya, Kadir berkata media sekarang ini seolah-olah tidak menggunakan kebebasan ataupun hak mereka sebagai media.

Justeru, beliau menyarankan agar wartawan harus berpengertian, harus bermaklumat dan berani menegur kalau ada yang tidak betul.

“Misalnya, dalam sidang akhbar, kalau saya katakan sesuatu yang betul namun anda tak setuju, anda sepatutnya menyatakan demikian.

“Kita tidak boleh hanya mendengar apa yang orang lain kata terutama apa orang politik kata, kemudian kita tidak membuat penyelidikan,

kita tak tahu pun kenyataan itu betul.

“Jadi tugas wartawan, khususnya sekarang ini di mana kerajaan baharu memberikan kebebasan yang lebih luas, kita harus mendalamai laporan,” katanya.

Sehubungan itu, beliau menyarankan buat laporan dan penyelidikan terhadap tajuk-tajuk berkenaan. Tidak boleh hanya menjadi pelapor tetapi juga harus menjadi penganalisis.

Dialog Isu dan Cabaran Komunikasi Strategik Dalam Era Malaysia Baharu dianjurkan dengan kerjasama Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan, Pusat Pengurusan Strategik dan Komunikasi Korporat (PPSKK) UMS, Bahagian Sumber Manusia Jabatan Pendaftar UMS dan Persatuan Wartawan Sabah (SJA).

Dialog yang julung kali diadakan itu menjadi platform perkongsian ilmu dan pengembangan idea dalam kalangan pengamal komunikasi berkaitan isu serta cabaran dalam media massa di era Malaysia baharu.

Selain itu, program juga bertujuan menarik penglibatan semua pengalaman media serta ahli akademik untuk berkongsi pengalaman dan idea untuk kebaikan bersama.

Program itu terbahagi kepada dua sesi wacana masing-masing bertajuk ‘Laman Sosial sebagai Digital Agora dalam Era Malaysia Baharu’ dan ‘Kebebasan Media Dalam Malaysia Baharu’.

Turut hadir, Dekan Fakulti Kemanusiaan, Seni dan Warisan Prof Dr Ismail Ibrahim, Penasihat Eksekutif Editorial Kumpulan Sinar Karangkraf Datuk Abdul Jalil Ali dan Presiden SJA Mugutan Vanar.